

OUCH!

DALAM ISU INI...

- Pengenalan
- Bagaimana Pengurus Kata Laluan Berfungsi
- Memilih Pengurus Kata Laluan

Pengurus Kata Laluan

Pengenalan

Salah satu langkah penting yang boleh anda ambil untuk melindungi diri anda semasa dalam talian adalah dengan menggunakan kata laluan yang kukuh untuk setiap akaun. Malangnya, kebanyakan dari kita mempunyai akaun yang banyak dan hampir mustahil untuk ingat semua kata laluan tersebut. Penyelesaian mudah adalah dengan menggunakan pengurus kata laluan, kadangkala dipanggil bilik kebal kata laluan. Aplikasi ini dicipta untuk menyimpan maklumat log masuk anda dengan selamat. Selain itu, ianya memudahkan anda untuk log ke mana-mana laman sesawang, aplikasi mudah alih dan aplikasi lain.

Editor Jemputan

Lenny Zeltser memfokuskan kepakarannya dalam menjaga operasi IT pelanggan di NCR Corp dan melatih pakar sekuriti di SANS Institute. Lenny aktif di Twitter sebagai [@lennyzelster](#) dan menerbitkan artikel di [zeltser.com](#).

Bagaimana Pengurus Kata Laluan Berfungsi

Pengurus kata laluan berfungsi seperti peti besi digital., lia menyimpan nama pengguna, kata laluan dan maklumat sensitif lain dengan selamat. Apabila laman sesawang memerlukan anda untuk log masuk ke akaun anda, pengurus kata laluan boleh menerima kata laluan dan log masuk anda ke laman sesawang tersebut dengan selamat. Ini memudahkan untuk menggunakan penyimpan beratus kata laluan yang unik dan kukuh, memandangkan anda tidak perlu mengingatnya.

Pengurus kata laluan menyimpan maklumat anda di dalam pangkalan data, kadang kala dipanggil peti besi. Pengurus kata laluan menyulitkan kandungan peti besi tersebut dan melindunginya dengan kata laluan induk yang hanya anda ketahui. Apabila anda perlu mendapatkan kembali maklumat tersebut, contohnya mungkin untuk log masuk akaun dalam talian bank atau e-mel, anda hanya perlu menaip kata laluan induk ke dalam pengurus kata laluan anda untuk membuka kunci peti besi tersebut.

Sesetengah pengurus kata laluan menyimpan peti besi anda di dalam sistem setempat atau telefon mudah alih atau sistem setempat anda, sementara ada yang lain menyimpannya di laman sesawang lain yang dikendalikan oleh syarikat yang membina pengurus kata laluan tersebut. Sebagai tambahan, kebanyakan pengurus kata laluan mempunyai keupayaan untuk menyatuegerakkan kandungan peti besi menyeberangi peranti-peranti yang telah anda benarkan. Dengan ini apabila anda menukar kata laluan pada komputer riba anda, perubahan tersebut akan disatumenyegerakkan kepada telefon pintar, tablet, atau komputer lain yang anda gunakan. Tidak kira di mana pangkalan data tersebut disimpan, anda hanya perlu memasang aplikasi pengurus kata laluan dalam sistem atau peranti anda untuk menggunakannya.

Apabila mula-mula anda menetapkan pengurus kata laluan, anda perlu memasukkan secara manual atau import masuk nama pengguna dan kata laluan. Kemudian, pengurus kata laluan boleh mengesan apabila anda cuba untuk mendaftar akaun da-

Pengurus Kata Laluan

lam talian yang baru atau mengemas kini kata laluan untuk akaun sedia ada, secara automatik mengemas kini peti besi dengan sewajarnya. Ini boleh dilakukan kerana pengurus kata laluan bekerjasama dengan pelayar anda. Proses integrasi ini turut membenarkan mereka mendaftarkan anda masuk ke laman-laman web secara automatik

Kata laluan direka untuk menyimpan maklumat sensitif anda dengan selamat. Walaubagaimanapun, ianya kritikal adalah penting untuk supaya kata laluan induk yang anda gunakan untuk melindungi kandungan peti besi adalah kukuh dan sangat sukar untuk diteka. Malah kami mencadangkan supaya anda menukar kata laluan induk anda kepada frasa laluan, salah satu jenis kata laluan yang paling kukuh. Jika pengurus kata laluan anda membenarkan penggunaan penentu sah dua langkah, gunakannya untuk kata laluan induk anda. Akhirnya jangan gunakan kata laluan induk anda untuk sebarang akaun atau sistem lain. Dengan cara ini, jika penggodam berjaya mendapatkan salinan peti besi anda, mereka tidak dapat meneka kata laluan tersebut dan mengaksessapai kandungannya. Akhir sekali, pastikan anda ingat kata laluan induk anda. Jika anda lupa, anda tidak akan dapat capaian kepada kesemua kata laluan anda.



Memilih Pengurus Kata Laluan

Terdapat pelbagai pengurus kata laluan percuma dan berbayar yang boleh anda pilih. Apabila memilih satu yang terbaik untuk anda, sentiasa ingati perkara berikut:

- Pastikan pengurus kata laluan tersebut boleh digunakan pada semua sistem dan peranti mudah alih yang anda mungkin perlu untuk mengakses peti besi anda. Pemilihan anda juga seharusnya mudah untuk menyatuyegerakkan kandungan peti besi menyeberangi semua peranti anda.
- Hanya gunakan pengurus kata laluan yang diketahui ramai dan dipercayai. Sentiasa berjaga-jaga terhadap produk yang baru di pasaran atau mempunyai maklum balas komuniti yang sedikit. Sama seperti dengan perisian antivirus palsu, penjenayah siber boleh mencipta pengurus kata laluan palsu untuk mencuri maklumat anda.
- Pengurus kata laluan anda seharusnya mudah untuk anda gunakan. Jika anda dapati ianya terlalu sukar untuk difahami, cari alternatif lain yang lebih baik untuk cara dan kemahiran anda.
- Pastikan penyelesaian mana pun yang anda pilih sentiasa dikemas kini dan ditampal, dan pastikan anda sentiasa menggunakan versi terkini.
- Pengurus kata laluan tersebut seharusnya memudahkan anda untuk memilih kata laluan yang kukuh untuk pelbagai akaun anda, termasuklah keupayaan untuk menjana kata laluan yang kukuh dan menunjukkan kekuatan kata laluan yang anda pilih.

Pengurus Kata Laluan

- Pengurus kata laluan sepatutnya memberikan anda pilihan untuk menyimpan maklumat sensitif yang lain, seperti jawapan kepada soalan rahsia keselamatan, kad kredit atau nombor penerbang kerap.
- Hati-hati dengan pengurus kata laluan yang menggunakan penyulitan eksklusif atau yang tidak diketahui, selain dari menyulitkan menggunakan kaedah standard industri. Jika vendor tersebut mengiklankan cara mereka bangunkan penyelesaian penyulitan mereka, jangan dekati mereka.
- Jangan gunakan pengurus kata laluan yang mendakwambuat tuntutan bahawa mereka boleh mendapatkan semula kata laluan induk anda. Ini bermakna mereka mengetahui kata laluan induk anda, ini akan mendedahkan anda kepada risiko yang lebih besar.

Pengurus kata laluan merupakan penyelesaian yang berkesan untuk menyimpan semua kata laluan dan maklumat sensitif anda dengan selamat. BWalau bagaimanapun, memandangkan ia menjaga maklumat yang sangat penting, pastikan anda menggunakan kata laluan induk yang kukuh bukan sahaja sukar untuk diteka oleh penyerang, malah mudah untuk anda ingati.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

Sumber

Passphrases:	http://www.securingthehuman.org/ouch/2015#april2015
Two-step Verification:	https://www.securingthehuman.org/ouch/2015#september2015
Top Five Password Managers:	http://lifehacker.com/5529133/five-best-password-managers
SANS Security Tip of the Day:	http://www.sans.org/tip_of_the_day.php

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



securingthehuman.org/blog



[/securethehuman](https://www.facebook.com/securethehuman)



[@securethehuman](https://twitter.com/securethehuman)



[securingthehuman.org/gplus](https://www.securingthehuman.org/gplus)